

**SYARAT KEMASUKAN BAGI PROGRAM
DIPLOMA KEJURUTERAAN**

**PROGRAM DIPLOMA PENGAJIAN SEPARUH
MASA UTM BERMULA SESI 2021/2022**

SYARAT AM UNIVERSITI

Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ setaraf dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan lulus mata pelajaran Sejarah.

dan

Bagi pelajar yang tidak memenuhi kepujian dalam Bahasa Melayu, perlu mendapatkan kepujian dalam Bahasa Melayu peringkat SPM sebelum menamatkan pengajian.

SYARAT KHAS PROGRAM

Kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya **TIGA (3)** kepujian (**GRED C**) termasuk Bahasa Melayu dan dalam mata pelajaran:-

- Matematik
- **SATU (1)** daripada mata pelajaran sains atau teknikal.

dan

Lulus dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik Tambahan.

dan

Tidak rabun warna dan tidak cacat anggota yang menyukarkan kerja amali.

atau

Kelayakan Teknikal/ Vokasional/ Kemahiran yang berkaitan dan diiktiraf dengan syarat kepujian Bahasa Melayu SVM Kod 1104 DAN PNGK Akademik ≥ 3.33 DAN PNGK Vokasional ≥ 3.67 .

atau

Lulus Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 MQF/ Sijil Kolej Komuniti (SKK) Tahap 3 MQF/ Sijil yang diiktiraf setaraf dengannya serta berkaitan dengan program Diploma yang dipohon dengan memperolehi purata mata nilai kumulatif (PNGK) minimum 2.00.

atau

Sijil Matrikulasi (Aliran Sains dan Kejuruteraan) dengan memperolehi purata mata nilai kumulatif (PNGK) minimum 2.00.

atau

Lulus O-Level dengan mendapat sekurang-kurangnya TIGA (3) kepujian (Gred C) termasuk mata pelajaran Matematik dan DUA (2) daripada mata pelajaran Sains.

atau

Lulus Sijil Politeknik/ Sijil yang diiktiraf setaraf dengannya serta berkaitan dengan program Diploma yang dipohon dengan memperolehi purata mata nilai kumulatif (PNGK) minimum 2.00.

atau

Kemasukan dengan APEL Tahap 4 (Diploma) iaitu :

1. Lulus penilaian APEL A MQA (Ujian Aptitud dan Penilaian Portfolio);
2. Berumur tidak kurang daripada 20 tahun pada tahun permohonan;
3. Pengalaman kerja dalam bidang berkaitan sekurang-kurangnya lima (5) tahun; dan
4. Lulus temu duga peringkat fakulti

Nota:

- Calon Diploma Kejuruteraan tidak boleh rabun warna kecuali Diploma Kejuruteraan Awam.

**SYARAT KEMASUKAN BAGI PROGRAM
DIPLOMA BUKAN KEJURUTERAAN**

**PROGRAM DIPLOMA PENGAJIAN SEPARUH
MASA UTM BERMULA SESI 2021/2022**

SYARAT AM UNIVERSITI

Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ setaraf dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan lulus mata pelajaran Sejarah.

dan

Bagi pelajar yang tidak memenuhi kepujian dalam Bahasa Melayu, perlu mendapatkan kepujian dalam Bahasa Melayu peringkat SPM sebelum menamatkan pengajian.

SYARAT KHAS PROGRAM

Kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya **TIGA (3)** kepujian (**GRED C**) termasuk Bahasa Melayu dan dalam mata pelajaran:-

- Matematik
- **SATU (1)** daripada mata pelajaran yang lain.

dan

Lulus dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.

atau

Lulus Sijil Politeknik/ Sijil Kolej Komuniti/ Sijil yang diiktiraf setaraf dengannya serta berkaitan dengan program Diploma yang dipohon dengan memperolehi purata mata nilai kumulatif (PNGK) minimum 2.00.

atau

Lulus Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 MQF/ Sijil Kolej Komuniti (SKK) Tahap 3 MQF/ Sijil yang diiktiraf setaraf dengannya serta berkaitan dengan program Diploma yang dipohon dengan memperolehi purata mata nilai kumulatif (PNGK) minimum 2.00.

atau

Lulus O-Level dengan mendapat sekurang-kurangnya TIGA (3) kepujian (Gred C) termasuk mata pelajaran Matematik dan DUA (2) mata pelajaran yang lain.

atau

Kelayakan-kelayakan lain yang diluluskan oleh Kerajaan Malaysia.

atau

Kemasukan dengan APEL Tahap 4 (Diploma) iaitu :

1. Lulus penilaian APEL A MQA (Ujian Aptitud dan Penilaian Portfolio);
2. Berumur tidak kurang daripada 20 tahun pada tahun permohonan;
3. Pengalaman kerja dalam bidang berkaitan sekurang-kurangnya lima (5) tahun; dan
4. Lulus temu duga peringkat fakulti.

Nota:

- Calon program Diploma Senibina perlu lulus ujian dan temuduga yang dikendalikan oleh pihak universiti.
- Bagi calon program Diploma Ukur Bahan yang tidak mempunyai kredit Matematik SPM, calon perlu mengambil semula Matematik di peringkat SPM dan mendapat sekurang-kurangnya kepujian (Gred C) sebelum menamatkan pengajian Diploma jika diterima masuk tanpa mendapat kepujian dalam Matematik.
- Calon program Diploma Perakaunan bagi kemasukan lepasan Sijil dan O-Level mesti mendapat sekurang-kurangnya kepujian (Gred C) bagi mata pelajaran Matematik dan lulus (Gred E) bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris di peringkat SPM/ setaraf.
- Calon Program Diploma Ukur Tanah tidak rabun warna dan tidak cacat anggota yang menyukarkan kerja amali.

**SYARAT KEMASUKAN BAGI PROGRAM
DIPLOMA SAINS SERTA PENDIDIKAN
(PENGAJIAN ISLAM)**

**PROGRAM DIPLOMA PENGAJIAN SEPARUH
MASA UTM BERMULA SESI 2021/2022**

SYARAT AM UNIVERSITI

Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ setaraf dengan mendapat LIMA (5) kepujian termasuk mata pelajaran Bahasa Melayu dan lulus mata pelajaran Sejarah.

dan

Bagi pelajar yang tidak memenuhi kepujian dalam Bahasa Melayu, perlu mendapatkan kepujian dalam Bahasa Melayu peringkat SPM sebelum menamatkan pengajian.

SYARAT KHAS PROGRAM

Memenuhi syarat Am Universiti dan memperolehi kepujian (**Gred C**) dalam mana-mana **empat (4) mata pelajaran** berikut:

- Tasawwur Islam
- Pendidikan Al-Quran dan AsSunnah
- Pendidikan Syariah Islamiah
- Pendidikan Islam
- Bahasa Arab
- Sains
- Bahasa Inggeris
- Ekonomi Asas
- Prinsip Akaun
- Fizik
- Kimia
- Biologi
- Matematik
- Matematik Tambahan

*** Bagi pelajar yang tidak memperolehi minimum kepujian Bahasa Arab atau yang tidak mengambil mata pelajaran Bahasa Arab di peringkat SPM, pelajar dikehendaki mengambil kursus Pengukuhan Bahasa Arab yang ditawarkan oleh UTM dan LULUS kursus tersebut.*

atau

Memiliki sijil dari Politeknik / Setaraf dengannya dalam bidang yang berkaitan dengan mendapat PNGK sekurang-kurangnya 2.00 atau Lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) sekurang-kurangnya Maqbul;

atau

Lulus Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) sekurang- kurangnya **LULUS** dalam mata pelajaran berikut:

- Syariah/ Usuluddin;

atau

Kemasukan dengan APEL Tahap 4 (Diploma) iaitu :

1. Lulus penilaian APEL A MQA (Ujian Aptitud dan Penilaian Portfolio);
2. Berumur tidak kurang daripada 20 tahun pada tahun permohonan;
3. Pengalaman kerja dalam bidang berkaitan sekurang-kurangnya lima (5) tahun; dan
4. Lulus temu duga peringkat fakulti.